

(10 Mei 2021) Kosmo, p. 6

Penutupan pasar itu dijangka jejasakan bekalan barangan menjelang Aidilfitri

KPDNHEP pantau Pasar Borong KL

Oleh SUBKHI SUDARJI
dan ABDUL RAZAK IDRIS

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi menilai situasi yang mungkin boleh menjejaskan bekalan barang-barang perlu menjelang Hari Raya Aidilfitri susulan penutupan Pasar Borong Kuala Lumpur.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya mengambil maklum tentang situasi pasar berkenaan yang ditutup bermula semalam ekoran penularan Covid-19 dalam kalangan peniaga dan pekerja.

Katanya, walaupun insiden itu bukan kali pertama berlaku, namun situasi tersebut perlu ditangani dengan baik supaya tidak dijadikan alasan untuk menaikkan harga barangan tertentu.

“Pemantauan melalui Ops Pantau akan terus dipergiatkan bagi meminimumkan kesan penutupan pasar borong tersebut.

“Pegawai-pegawai penguat kuasa akan terus melaksanakan tugas demi memastikan isu bekalan dan harga dapat dita-



ANGGOTA penguat kuasa DBKL melakukan rondaan berkala di kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur baru-baru ini. – GAMBAR HIASAN

ngani sebaiknya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini, Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) memutuskan untuk menutup operasi di bahagian ikan Pasar Borong

Kuala Lumpur bermula semalam hingga 16 Mei ini.

Sementara itu, di **Selangor**,

kerajaan negeri mengumumkan sebanyak 16 lokasi pasar tani dan empat Selangor Agro Market (SAM) akan beroperasi di sekitar negeri ini selama tiga hari bagi memenuhi permintaan orang ramai sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di negeri itu bermula semalam.

Kesemua pasar tani dan SAM tersebut diwujudkan bagi memastikan bekalan bahan mentah dan barangan keperluan asas mencukupi menjelang Aidilfitri.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir. Izhah Hashim berkata, selain itu, pelaksanaan pasar tani khas itu juga turut menawarkan promosi khas kepada pengunjung melibatkan tiga barangan keperluan iaitu daging lembu, ayam dan santan.

“Kita telah memperuntukkan dana sebanyak RM50,000 bagi pemberian subsidi di mana terdapat potongan harga bagi pembelian tiga barangan ini.

“Orang ramai menikmati potongan harga RM5 bagi sekilo daging, potongan RM3 bagi seekor ayam dan RM2 bagi sekilo santan,” katanya.